

Jan - Jun 2023



BULETIN

PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH



**PERPUSTAKAAN
MEMPERKASA KEHIDUPAN**

LIBRARIES ENRICHING LIVES

ISSN 2289-9499



<https://library.sabah.gov.my>



Perpustakaan Negeri Sabah - Laman Rasmi



sabah_state_library

ISI KANDUNGAN

- 1** World Quran Hour 2023
- 2** **JOM BACA**
- 3** LAWATAN DARI NORTH BORNEO UNIVERSITY COLLEGE
- 4** KUNJUNGAN HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT SEBAGAI platform KOLABORASI BERSAMA
- 5** WORLD PLAY DAY 2023
- 6** PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH DAN KEDUTAAN AMERIKA METERAI MOU TUBUH AMERICAN CORNER
- 7** MINGGU PERPUSTAKAAN DAN STORYWALKS® 2023 LAKAR SEJARAH BAHRU DALAM KALENDAR PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH
- 8** PELAJAR OKU PENGLIHATAN SERLAHKAN BAKAT DALAM PERTANDINGAN MEMBACA BRAILLE 2023
- 9** MEMARTABAT SENI PIDATO DALAM PERTANDINGAN PIDATO BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH
- 10** ERATKAN UKHWAH MELALUI GOTONG-ROYONG MEMASAK KELUPIS DAN RENDANG
- 11** "LIBRARY LAUGH OUT LOUD"
- 12** KELAB SUKAN DAN REKREASI

SIDANG REDAKSI PNS

PENAUNG

PUAN HAJAH FATIMAH ABDILLAH

PENASIHAT

PUAN ANTHONIA P. SANI

EDITOR

PUAN AINAH IDRIS

PUAN AINE@NADDIA BINTI SAMIN

PEREKA GRAFIK DAN JURUFOTO

ENCIK COLLIN A. WILFRED

World Quran Hour 2023



SURAH AL-INSAN JADI PANDUAN INSAN SEJAGAT

World Quran Hour Peringkat Perpustakaan Negeri Sabah telah dilaksanakan di Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Membakut pada 13 April 2023 bersamaan 22 Ramadhan 1444H.

Acara ini telah disempurnakan oleh YB. Datuk Harun Bin Durabi, Pembantu Menteri, Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi Sabah, mewakili YB. Datuk Dr. Hj. Mohd Arifin Bin Datuk Hj. Mohd Arif, Menteri Sains, Teknologi & Inovasi Sabah.

Pada tahun ini surah Al-Insan telah menjadi surah pilihan bagi World #QuranHour 1444H dengan membawa tema “Mem manusiakan Manusia”.



JOM BACA

BERTUJUAN MENDORONG MASYARAKAT MEMBACA



JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT PERINGKAT NEGERI SABAH 2023 & PELANCARAN BUKU SABAH STATE LIBRARY : A HISTORICAL JOURNEY

Perpustakaan Negeri Sabah telah menganjurkan program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit atau Let's Read Together For 10 Minutes pada 18 Mei 2023, bertempat di Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Penampang. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah. Hadir sama ialah YBhg. Datuk Zainudin Aman, Setiausaha Tetap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah. Terdahulu, majlis pada pagi ini juga turut dimeriahkan dengan acara forum yang menampilkan ahli-ahli panel yang terdiri daripada golongan profesional, pempengaruh dan tokoh Nilam.. Turut diadakan semasa berlangsungnya majlis ini ialah acara pelancaran buku Sabah State Library : A Historical Journey, hasil tulisan bersama Puan Hajah Fatimah Abdillah, pengarah Perpustakaan Negeri Sabah dan mantan-mantan pengarah Perpustakaan Negeri Sabah iaitu YBhg. Datuk Adeline Leong, Puan Ku Joo Bee, Encik Wong Vui Yin dan Puan Maria Sinti.



LAWATAN DARI NORTH BORNEO UNIVERSITY COLLEGE



4 April 2023, Perpustakaan Negeri Sabah telah menerima lawatan rombongan daripada North Borneo University College. Lawatan yang terdiri daripada 13 orang peserta ini diketuai oleh PM Dr. Norashikin bt. Abd Azis, Timbalan Naib Canselor Akademik dan PM Dr. Steward Gimam Anak Stephen, Pengarah Pusat Pascasiswazh serta ahli-ahli pengurusan tertinggi universiti. Antara objektif lawatan ini adalah bagi memberi pendedahan berkenaan sumber perkhidmatan dan meningkatkan perkongsian ilmu pengetahuan sebagai langkah menaik taraf perpustakaan universiti berkenaan di samping menjadi platform bagi membina kolaborasi yang lebih erat antara kedua institusi. Rombongan ini juga berpeluang melihat sendiri perkhidmatan yang disediakan antaranya perkhidmatan sumber elektronik, sistem pengkomputeran dan aktiviti-aktiviti gerakan membaca yang dilaksanakan di perpustakaan.





KUNJUNGAN HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT SEBAGAI PLATFORM KOLABORASI BERSAMA

Perpustakaan Negeri Sabah telah menerima kunjungan hormat daripada Human Resource Development Corporation, Sabah pada 8 Mei 2023 yang lalu. Pertemuan dua hala ini bertujuan membincangkan kerjasama sebagai rakan kongsi antara dua agensi ini sempena National Training Week. Rombongan pelawat telah disambut oleh Pn. Hajah Fatimah Abdillah, Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah.





Perasmian Sambutan Hari Permainan Sedunia (World Play Day) 2023 telah disempurnakan oleh Puan Hajah Fatimah Abdillah, Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah pada 27 Mei 2023, di Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Tanjung Aru.

WORLD PLAY DAY 2023





PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH DAN KEDUTAAN AMERIKA METERAI MOU TUBUH AMERICAN CORNER

Perpustakaan Negeri Sabah dan Kedutaan Amerika Syarikat (AS) telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) pada 7 Julai 2023 untuk menubuhkan American Corner di Perpustakaan Cawangan Tg. Aru.

Acara menandatangani MoU antara Pn. Hajah Fatimah Abdillah, Pengarah Perpustakaan bagi pihak Perpustakaan Negeri Sabah dan Ms Melinda (Mandy) Masonis bagi pihak Kedutaan (AS) telah disaksikan oleh Pn. Maria Chong, Timbalan Setiausaha Tetap I, Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi Sabah.

Penubuhan American Corner ini adalah yang keenam di Malaysia dan satu-satunya di Sabah dengan matlamat untuk menyediakan maklumat berkenaan Amerika Syarikat dan topik-topik yang diminati bersama yang memberi manfaat kepada Malaysia dan Amerika Syarikat.



YBhg. Datuk Zainudin bin Aman, Setiausaha Tetap Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah telah menyempurnakan Majlis Perasmian Minggu Perpustakaan dan Storywalks (Walk With The Library) pada 24 Jun 2023, mewakili YB Datuk Dr. Haji Mohd Arifin bin Datuk Haji Mohd Arif, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah. Beliau yang tiba di Taman Ujana sekitar jam 7.20 pagi telah disambut oleh YBhg. Puan Maria Chong, Timbalan Setiausaha

Tetap I, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Pn. Hajah Fatimah Abdillah Pengarah

Perpustakaan Negeri Sabah, En. George Yih, dengan ucapan oleh YBhg. Datuk SUT diikuti dengan acara Timbalan Pengarah, Pn. menarik riben secara serentak oleh YBhg. Datuk SUT dan Pn. Palmela E. Mosinoh Hajah Fatimah bagi memecahkan belon sebagai gimik Perasmian Minggu Perpustakaan 2023. Sebelum beredar meninggalkan majlis, YBhg. Datuk SUT kemudiannya diiring oleh Pn. Hajah Fatimah Antonia P. Sani Pengurus Storywalks, dan juga para jemputan. Majlis dimulakan dengan acara melepaskan ikatan riben pada papan poster Storywalks sebagai tanda bermulanya acara perasmian.



MINGGU PERPUSTAKAAN DAN STORYWALKS® 2023 LAKAR SEJARAH BAHARU DALAM KALENDAR PERPUSTAKAAN NEGERI SABAH

Majlis diteruskan di Dewan Mataking, Ibu Pejabat Perpustakaan Sabah, dengan ucapan oleh YBhg. Datuk SUT diikuti dengan acara menarik riben secara serentak oleh YBhg. Datuk SUT dan Pn. Hajah Fatimah bagi memecahkan belon sebagai gimik Perasmian Minggu Perpustakaan 2023. Sebelum beredar meninggalkan majlis, YBhg. Datuk SUT kemudiannya diiring oleh Pn. Hajah Fatimah Antonia P. Sani Pengurus Storywalks, dan juga para jemputan. Majlis dimulakan dengan acara melepaskan ikatan riben pada papan poster Storywalks sebagai tanda bermulanya acara perasmian.



Pertandingan Membaca Braille yang dianjurkan pada 26 Jun 2023, di Dewan Mataking Ibu Pejabat Perpustakaan ini mensasarkan golongan OKU penglihatan iaitu dari Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas, Tuaran dan Sekolah Menengah Kebangsaan Badin, Tuaran. Seramai dua orang peserta sekolah rendah dan lima orang peserta sekolah menengah telah berentap mengikut kategori pertandingan yang terbahagi kepada kategori Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Adik Eivy Eisfranza Asri telah muncul sebagai juara bagi kategori Bahasa Melayu sekolah rendah dan adik Feldin Jesry sebagai naib juara. Manakala bagi kategori Bahasa Inggeris adik Feldin Jesry pula berjaya menjadi juara dan adik Eivy Eisfranza sebagai naib juara.



PELAJAR OKU PENGLIHATAN SERLAHKAN BAKAT DALAM PERTANDINGAN MEMBACA BRAILLE 2023




Bagi sekolah menengah pula, tempat pertama kategori Bahasa Melayu telah dimenangi oleh adik Mercellinda Muhammad, kedua adik Kimberly Lo Jing Wei dan ketiga adik Noor Syahidatul Adawia. Dua orang peserta lagi telah menerima hadiah saguhati iaitu adik Kyra Gwen Foo dan adik Nurul Afni Syazmilla. Manakala bagi kategori Bahasa Inggeris pula adik Kimberly Lo telah dinobatkan sebagai pemenang pertama, kedua adik Noor Syahidatul Adawia dan tempat ketiga jatuh kepada adik Marcellinda Muhammad. Adik Nurul Afni Syazmilla dan adik Kyra Gwen Foo turut menerima hadiah saguhati.

Pertandingan Pidato yang diadakan pada 27 Jun 2023, di Ibu Pejabat Perpustakaan Negeri Sabah ini merupakan salah satu aktiviti yang dirancang sempena Minggu Perpustakaan 2023. Seramai 7 orang pemidato yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah tahap 2 iaitu tingkatan empat dan lima dari sekitar Kota Kinabalu telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

Adik Nur Nabilah Mohd Sharif dari SMK Agama Tun Ahmadshah, berjaya dinobatkan sebagai johan menewaskan 6 peserta yang lain. Naib johan, adik Nurin Nazifah Abdullah dari sekolah yang sama, ketiga adik Nur Adriana Darwi Syah Mazlan dari MRSM Kota Kinabalu.



MEMARTABAT SENI PIDATO DALAM PERTANDINGAN PIDATO BAHASA MELAYU SEKOLAH MENENGAH





ERATKAN UKHWAH MELALUI GOTONG-ROYONG MEMASAK KELUPIS DAN RENDANG

Program yang diadakan pada 27 Jun 2023, di Gelanggang Futsal, Ibu Pejabat Perpustakaan ini dilaksanakan sempena menyambut kedatangan Hari Raya Aidiladha yang bakal menjelang tiba pada 29 Jun 2023 ini.





“LIBRARY LAUGH OUT LOUD” BERJAYA CURI TUMPUAN PARA PENONTON

28 Jun 2023, Dewan Matakina Ibu Pejabat Perpustakaan Negeri Sabah digamatkan dengan gelak ketawa para penonton sepanjang menyaksikan Pertandingan “Library Laugh Out Loud”. Pertandingan ini disertai oleh pelajar-pelajar sekolah menengah. Ia diadakan bagi mencungkil



bakat-bakat pelajar dalam mengetengahkan idea serta kreativiti melawak di sebalik penyampaian mesej di samping memberi hiburan kepada para penonton. Peserta berkumpulan yang menggelarkan diri mereka sebagai Unggas dari SMK Takis, Papar telah dinobatkan sebagai Juara. Sementara itu, kumpulan Shans Funny dari SMK Shan Tao telah diangkat sebagai naib juara dan peserta solo adik Muhammad Ammar Mohd Fahmi Syahir dari SM

Maktab Sabah telah meraih tempat ketiga. Tempat keempat dan kelima masing-masing jatuh kepada kumpulan Ceaces dari SMK Tun Fuad dan adik Micah Ezekiel Vasipoh Diego dari SM Maktab Sabah.





Perasmian Pertandingan Golf Anjuran MAKSAK
Malaysia yang dianjurkan pada 9-12 Februari 2023.





Hebahan Integriti

BAHAGIAN INTEGRITI DAN GOVERNANS NEGERI SABAH

SIRI 11

23 NOVEMBER 2022
27 RABIUL AKHIR 1444 H

APA ITU **INTEGRITY PACT?**

Integrity Pact merupakan satu (1) proses pengisytiharan oleh pembida/orang awam untuk tidak menawar atau memberi rasuah bagi mendapatkan kontrak atau sebagai ganjaran mendapatkan sesuatu kontrak dan bagi mempercepatkan sesuatu urusan Perolehan Kerajaan.

TUJUAN UTAMA **INTEGRITY PACT**

1

Mengelak penterder/penyebut harga daripada menawar atau pemberi rasuah

2

Menghendaki petender haga melapor sebarang kesalahan rasuah kepada pihak berkuasa

3

Memastikan Kerajaan tidak menanggung "unnecessary costs" dalam pelaksanaan urusan perolehan

PENJAWAT AWAM YANG TERLIBAT DALAM PROSES PEROLEHAN KERAJAAN



Bahagian Perolehan



Bahagian Pembangunan



Bahagian Kewangan



Agensi yang terlibat dengan pendaftaran pembekal/kontrak/firma



Urus setia lembaga/jawatankuasa/tender/sebut harga/perolehan

Mana-mana bahagian, seksyen dan unit lain yang terlibat dalam perolehan

Sumber : Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 2/2011 Garis Panduan Pelaksanaan Integrity Pact Dalam Perolehan Kerajaan

"Melestarikan Budaya Integriti Dalam Kalangan Penjawat Awam"



Sila imbas kod QR yang tertera pada poster atau klik pautan

<https://www.sabah.gov.my/ecircular/default.aspx> untuk menyemak pekeliling Negeri Sabah



SABAH MAJU JAYA
MELESTARIKAN BUDAYA INTEGRITI



LAMAN SESAWANG
SKN.SABAH.GOV.MY/BIGONS



088-369263
URUS SETIA INTEGRITI



EMAIL UINS
ADMIN.UINS@SABAH.GOV.MY

